

03 NOV 1997

Mahathir-G15

MAHATHIR SARAN KETERATURAN DALAM DAGANGAN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Seperti dijangka, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meneruskan perjuangannya terhadap urus niaga mata wang tanpa kawal selia semasa beliau merasmikan sidang kemuncak ketujuh G15 di sini hari ini, dengan berkata masanya telah tiba peraturan yang adil bagi dagangan itu diwujudkan.

"Usaha peniaga mata wang untuk sengaja menjatuhkan nilai mata wang sesebuah negara semata-mata bagi mengaut keuntungan adalah satu perbuatan serius kerana ia menafikan hak negara-negara merdeka," kata Perdana Menteri.

Sambil menyifatkan sistem urus niaga mata wang sekarang sebagai tidak beretika dan tidak adil terhadap negara yang diserang, beliau berkata sebelum globalisasi dapat diterima, satu sistem dagangan yang adil perlu diwujudkan, baik untuk barangan dan perkhidmatan, saham atau mata wang.

Dr Mahathir berkata kuasa pasaran sememangnya bersifat mengeksploitasi dan tidak dapat menentukan bahawa peraturan akan menjamin keadilan kepada semua pihak.

Ketika menceritakan pengalaman pahit Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara lain akibat perbuatan spekulator mata wang, Dr Mahathir berkata walaupun penurunan nilai mata wang mungkin disebabkan oleh kelemahan ekonomi sesebuah negara, hakikatnya ialah nilai mata wang susut hanya apabila peniaga mata wang menjualnya bagi mendapatkan dolar Amerika.

Katanya spekulator akan sentiasa menjual sehingga nilai mata wang merosot ke paras bagi mereka membelinya balik dengan mendapat keuntungan.

"Sasaran tentunya mata wang negara-negara yang mewah sedikit dan ini akan memusnahkan hasil dan pengorbanan yang diusahakan sekian lamanya," kata Dr Mahathir.

Sebaliknya, peniaga mata wang mengaut keuntungan berbilion-bilion dan tidak pula membayar sebarang cukai kepada negara yang mereka jadikan miskin.

Sidang kemuncak itu dihadiri oleh Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Hosni Mubarak dari Mesir, Presiden Alberto Fujimori dari Peru, Presiden Liamine Zeroual dari Algeria, Naib Presiden Dr Carlos Ruckauf dari Argentina, Naib Presiden Krishan Kant dari India dan Timbalan Perdana Menteri Jamaica Dr Seymour Mullings.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan diterima sebagai anggota terbaru pada sidang kemuncak dis ini.

Dr Mahathir, antara penggerak utama forum Selatan, menarik perhatian negara anggota kepada trend membimbangkan yang muncul sejak mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Singapura yang boleh menjejaskan negara-negara membangun.

Beliau berkata selain daripada ancaman tindakan sehala, negara-negara membangun mungkin terperangkap dalam tindakan anti-longgokan dan ketidakseimbangan dalam dagangan perkhidmatan kesan daripada penafian status membangun serta librealisasi terhad untuk tekstil, pakaian dan komoditi.

Perdana Menteri juga berkata pelaburan asing secara terus boleh memudaratkan pasaran saham negara membangun kerana pelabur asing akan menjual pegangan mereka untuk keuntungan modal yang banyak setelah menaikkan harga ke paras tidak munasabah.

"Lebih baik bagi kita melabur dalam kapasiti produktif di negara

sendiri atau di negara membangun lain daripada bergantung kepada kemasukan 'wang panas'," katanya.

Sejajar dengan dasar Malaysia untuk "memakmurkan jiran", Dr Mahathir berharap negara-negara Selatan akan menggunakan Koridor Raya Multimedia yang sedang dimajukan di negara ini.

Beliau berharap negara-negara Selatan tidak sekadar berpuas hati tetapi harus meninjau peluang dengan menerokai pasaran baru dan menjalin perkongsian dalam pelbagai bidang di kalangan mereka.

Dr Mahathir berkata G15 unik kerana ia antara segelintir kumpulan ekonomi negara membangun yang meliputi negara-negara di rantau berlainan dan di kalangan anggotanya pula, ada yang merupakan negara sedang meningkat begitu dinamik.

"Kita boleh pilih sama ada untuk menggunakan potensi ini atau membiarkannya begitu saja. Kita perlu perkukuhkan potensi kita. Janganlah biarkan cabaran yang kita hadapi mengabui wawasan kita ketika kita melangkah ke alaf baru," katanya.

Beliau turut menyambut kemasukan Kenya sebagai anggota terbaru.

-- BERNAMA

RAZ TCL MAI